

Keaslian seni silat Melayu

DAHULU, seorang lelaki gagah, berbadan sasa dan mahir dalam seni mempertahankan diri atau dikenali sebagai silat, akan dihormati malah disanjung dan disegani. Beginilah penghormatan yang diberikan oleh masyarakat Melayu tradisional kepada golongan yang mahir bersilat.

Hang Tuah begitu terkenal dalam seni silat. Menurut ceritanya, hampir semua guru silat di sekitar kepulauan Melayu telah diguruinya. Dia sampai ke Majapahit. Di sanalah, dia mendapat sanjungan yang amat tinggi daripada kerajaan Majapahit. Malah ketika berada di sana dia digeruni oleh kawan dan lawan. Ini membuatkan keris Taming Sari dapat dimilikinya setelah berjaya menewaskan Pendekar Taming Sari, pemilik keris sakti itu.

Silat dalam masyarakat tradisional Melayu dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat. Orang Melayu sanggup mendaki gunung tinggi, merentasi laut dan hutan belantara semata-mata untuk berguru. Tidak hairanlah silat dimiliki hampir setiap orang khususnya golongan pemuda Melayu. Seni silat yang mereka pelajari diturunkan daripada satu generasi ke satu generasi. Dengan demikian seni silat itu tidak pernah pupus daripada kehidupan orang Melayu hinggalah sekarang.

Identiti kehidupan

Bagaimanapun, akhir-akhir ini seni silat Melayu semakin mengalami kepupusan dan perubahan. Keasliannya tidak seperti dahulu. Malah ada seni silat Melayu itu yang bercampur aduk dengan seni silat yang datang dari luar. Inilah yang menyebabkan keaslian silat Melayu hilang. Boleh dikatakan hanya sebahagian silat Melayu sekarang yang boleh dianggap benar-benar asli.

Seni silat Melayu menggambarkan gerak geri dan pergerakan harian masyarakat Melayu. Kelembutan dan kecekapan pergerakan silat itu melambangkan bagaimana lembut dan bersopannya gerakan bangsa Melayu. Kita mesti memahami setiap gerakan yang ada pada silat Melayu itu melambangkan identiti kehidupan sendiri bangsa Melayu, bermula daripada seorang individu hinggalah kepada kelompok masyarakatnya.

Kini, silat hanya diamalkan untuk tujuan sesuatu pertunjukan. Tidak seperti dahulu, silat dipelajari untuk mempertahankan diri dan meningkatkan semangat. Sekarang ini kurang sekali orang yang hen-

ak mempelajarinya secara mendalam, apalagi untuk mengkaji silat itu. Ada yang mempelajarinya kerana sesuatu sebab seperti ingin mengikut kawan (takut nanti dikatakan tidak pernah belajar atau mengenali silat) dan juga kerana ingin mempelajarinya untuk sesuatu tujuan pertunjukan. Inilah antara tujuan silat dipelajari sekarang.

Walaupun ia masih ada sekarang, tetapi keaslian silat Melayu sudah semakin hilang. Malah identiti yang ada pada keaslian silat Melayu sedikit demi sedikit semakin ditelan seni mempertahankan diri yang lain. Perkara ini memang nyata. Malah ada ka-

Seni silat Melayu asli mengekalkan keaslian yang ada seperti langkahnya, bunganya dan juga gaya rentak yang lemah lembut tetapi cepat dan tangkas

langan mahaguru silat, kita sengaja mencampurkan silat Melayu yang mereka miliki dengan seni mempertahankan diri dari luar. Ia bertujuan untuk mendapat pelatih yang ramai.

Mengekalkan keaslian

Baru-baru ini Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Dr. Sulaiman Haji Daud telah menyatakan hasrat kerajaan memulihkan kembali seni silat. Penumpuan yang ingin dicapai oleh kerajaan ialah mesti dikekalkan dalam kebudayaan kerana kaitan yang rapat dengan sistem sosial, politik dan kebudayaan Timur. Langkah begini memang patut disambut baik. Apa yang dikira lebih penting ialah pengiktirafan yang besar kepada seni silat Melayu.

Kita tidak mahu identiti persilatan asli Melayu akan hilang daripada kehidupan bangsa Melayu. Biarlah keaslian seni silat Melayu itu terjaga. Kalau hilang keasliannya, maka seni dan identiti yang ada pada silat itu tidak berguna dan lebih baik tidak

perlu dipelajari lagi. Seni silat Melayu yang benar-benar asli adalah yang dapat mengekalkan keaslian yang ada pada seni silat itu seperti langkahnya, bunganya dan juga gaya rentaknya yang lemah lembut tetapi cepat dan tangkas.

Ada beberapa langkah yang perlu diambil demi menjaga dan mempertahankan keaslian seni silat Melayu supaya ia tetap asli di samping dapat melambangkan kemelayuannya, antaranya:

- Penghayatan yang besar mesti diberikan kepada silat Melayu yang benar-benar masih asli. Caranya ialah dengan tidak mencampurkan seni silat itu dengan silat yang datang dari luar. Dengan ini, kemungkinan silat itu akan sukar ditembusi keasliannya.

- Menubuhkan satu persatuan khas seni silat Melayu yang akan menentukan seni silat Melayu itu tidak dicemari oleh seni mempertahankan diri lain. Persatuan ini akan bertindak sebagai 'pengawal' kepada menjaga keaslian silat Melayu.

- Mengajar seni silat Melayu itu ke setiap kampung dan kepada setiap individu Melayu, baik menusi persatuan silat di kampung atau sekolah.

Langkah di atas adalah bertujuan menjamin keaslian seni silat Melayu itu tidak akan hilang. Ini penting demi melihat bangsa Melayu juga mempunyai satu seni gerakan dan gaya mempertahankan diri yang melambangkan kehidupan bangsanya. Kita tidak mahu bangsa Melayu dicap sebagai satu bangsa yang tidak mempunyai seni silat sendiri. Maka dapat bermegah dengan apa yang kita miliki. □

PENCAK SILAT

22 DEC 1985

B. Minggu (M)

22 DEC 1985

B. Minggu (M)